

pembuatan coklat itu bersama kawannya adalah kerana beliau sendiri sangat meminati coklat, dan terfikir untuk menghasilkan produk sendiri berbanding bergantung pada produk import.

"Bukan sahaja saya, malah keluarga turut meminati coklat sehingga menjadikannya sebagai makanan ringan harian. Ianya bagus untuk menghilangkan tekanan tanpa ada kesan buruk.

"Segala yang ada pada Dazzle Food hari ini segalanya hasil sokongan suami dan keluarga. Tidak dilupa juga pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang banyak membantu perniagaan kami seperti MARA, Lembaga Koko Malaysia, FAMA serta Jabatan Pertanian," katanya lagi.

Syarikat Dazzle Food Sdn Bhd kini boleh dikira sebagai pengeluar coklat bumiputera yang berjaya dengan pengeluaran lebih dua tan coklat sebulan untuk semua jenis dikilang yang berusia kira-kira lima tahun. Pengeluaran itu hasil usaha Noor Dina dan Siti Ropiah sambil dibantu oleh 15 orang pekerja

Di samping pegeluaran produk utama iaitu coklat, syarikat turut mengeluarkan produk sampingan, iaitu biskut bagi mempelbagaikan produk pengeluaran.

Antara pencapaian dan anugerah yang boleh dibanggakan oleh Dazzle Food ialah Anugerah Industri Koko (2008), kategori Industri Kecil & Sederhana (IKS) Usahawan Coklat. Selain itu, mereka juga pernah mendapat Anugerah Petani dan Usahawan Koko Jaya (2008), kategori : Usahawan Koko Jaya dan banyak lagi.



**Siti Ropiah dan Noor Dina**
Rakan Niaga Dazzle Food Sdn Bhd




**Dazzle Food Sdn Bhd**
No 5A, Jalan Langat Ceria 4, Taman Langat Ceria, 43100 Hulu Langat, Selangor.
Tel: 019-336 9040 (Noor Dina) atau 013-253 9537 (Siti Ropiah)

Diskaun 10%
Potong kupon ini dan dapatkan potongan 10% untuk setiap produk terpilih!
Dazzle Food Sdn Bhd
Sah sehingga 31 Disember 2013